

# Cuai lepas anjing

## Akauntan mengaku bersalah sebab kematian warga emas 74 tahun didenda RM2,000

>>Oleh Sarah Zulkifli

sarah@hmetro.com.my

PETALING JAYA: Ke-cuaianya yang meninggalkan anjing peliharaan sehingga menyebabkan kematian seorang pesara berusia 74 tahun akibat digigit haiwan itu menyebabkan seorang akauntan dijatuhi hukuman denda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Mohd Nazri Orman menjatuhkan hukuman itu terhadap Elaine Soon Sien Ling, 28, selepas wanita berkenaan mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacak.

Mengikut pertuduhan, Elaine didakwa cuai membiarkan anjing peliharaannya sehingga mendatangkan bahaya kepada Yip Sun Wah di hadapan rumahnya di Jalan SS 19/5B, Subang Jaya di sini, kira-kira jam 9 pagi, 8 Mei lalu.

Bagi kesalahan itu, dia di-

hukum mengikut Seksyen 289 Kanun Kesejahteraan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum enam bulan atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Elaine ketika rayuan memberitahu mahkamah dia amat menyesal dengan kejadian yang menimpa mangsa dan sudah meminta maaf daripada keluarga Yip.

"Saya membela anjing itu kerana ibu saya tinggal sendirian jika dia keluar bekerja dan rumah kami pernah dimasuki pencuri. Sebelum ini, anjing peliharaan saya sihat dan sentiasa dikurung di dalam kandang dan dikunci pagarnya," katanya.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya, Siti Fatimah Yahya memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal untuk memberi pengajaran kepada masyarakat.

"Walaupun tertuduh tidak mempunyai rekod jenayah lampau, namun mahkamah



perlu mengambil kira kecuaianya hingga menyebabkan berlaku kematian," katanya.

Mengikut fakta kes, anjing Elaine menyerang mangsa ketika warga emas yang sedang berjoging melalui di hadapan rumah tertuduh.

Ketika kejadian, anjing tertuduh dikatakan melompat dan menggigit mangsa sebelum dibantu oleh beberapa jiran dan orang ramai yang melalui tempat kejadian.

Ketika kejadian, jiran

**BERSALAH...** Elaine (kanan) didenda RM2,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Petaling Jaya, semalam.

mangsa dikatakan cuba menggunakan sebatang kayu rotan memukul anjing itu untuk menghalauinya daripada menggigit lelaki berkenaan, namun usaha itu gagal apabila haiwan tersebut terus menyerang mangsa.